

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

STU431 - Dasar dan Perancangan Sosial

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan daripada enam soalan yang disediakan. Soalan-soalan 1 dan 2 WAJIB dijawab. Setiap soalan mempunyai markah maksimum yang sama.

Soalan 1 dan 2 WAJIB dijawab.

1. (a) Mengapa dasar sosial diperlukan?
- (b) Apakah perhubungan di antara dasar sosial dan kelas sosial?
- (c) Dalam konteks Malaysia bagaimana sesuatu idea dasar sosial harus diketengahkan agar mendapat perhatian serius pihak-pihak berkuasa?
- (d) Nyatakan tiga isu sosial yang penting/mendesak di Malaysia sekarang ini yang memerlukan dasar khusus bersabitnya.
- (e) Senaraikan faktor-faktor utama yang mempengaruhi dasar sosial.

[25 markah]

...2/-

2. (a) Berdasarkan perbincangan semasa kuliah, bandingkan takrif atau konsep perancangan sosial yang dikemukakan oleh Alfred Kahn dan Alan Walker.
- (b) Mengapa perancangan sosial penting?
- (c) Apakah perbezaan umum di antara fokus/tumpuan perancangan sosial di negara-negara industri maju dengan yang terdapat di negara-negara sedang membangun?

[25 markah]

Jawab DUA soalan daripada Soalan 3 hingga Soalan 6.

3. (a) Beberapa orang sarjana telah mengemukakan kerangka analisis dasar sosial bagi memungkinkan semakan, kajian dan analisis dibuat ke atas sesuatu dasar sosial. Sebutkan tiga objektif penting menganalisis dasar sosial menurut kerangka David D. Gil yang anda pelajari.
- (b) Secara ringkas, bandingkan dasar sosial dengan dasar ekonomi.
- (c) Sektor kesukarelaan (volunteerism) merupakan satu-satunya sektor paling awal terlibat dalam kegiatan-kegiatan kebajikan dan perkhidmatan sosial, bantuan kewangan dan material dan sebagainya kepada anggota-anggota masyarakat yang memerlukan. Dalam membincangkan tentang dasar sosial mengapa sektor kesukarelaan ini dianggap penting? Apakah prospek peranan sektor ini di Malaysia yang kini sedang rancak membangun sebagai sebuah masyarakat industri?
- (d) Sebutkan empat dasar sosial yang penting di Malaysia.

[25 markah]

4. Setengah-setengah pihak berpendapat perancangan merupakan sesuatu yang boleh melemahkan daya cipta dan memamatkan inisiatif individu dan masyarakat. Bagi mereka lebih baik pasaran menentukan perkembangan sistem sosial masyarakat. Huraikan pendapat ini dengan mengemukakan pandangan-pandangan atau komen-komen anda. Jawapan anda tidak harus melebihi dua muka surat.

[25 markah]

5. (a) Senaraikan, kemudian terangkan secara ringkas tetapi jelas, ketiga-tiga model dasar sosial yang anda pelajari.
- (b) Pada pendapat anda apakah model dasar sosial yang terdapat di Malaysia? Mengapa?
- (c) Apakah hubungan di antara dasar sosial dan perancangan sosial?

[25 markah]

6. (a) Nyatakan tiga model perancangan sosial yang anda pelajari dan jelaskan secara ringkas setiap model tersebut.
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan "perancangan berpenyertaan"? Sebutkan tujuan-tujuan penting melaksanakan perancangan ini.
- (c) Apakah masalah-masalah atau halangan-halangan penting bagi pelaksanaan perancangan berpenyertaan di Malaysia?

[25 markah]

